

Bahasa Melayu

Karangan Laporan

Nama : _____

Tarikh : _____

Kamu telah menyertai gotong-royong membersihkan kawasan sekolah. Sebagai setia usaha kelas, kamu dikehendaki menyediakan laporan. Susun ayat-ayat di bawah supaya menjadi karangan laporan yang lengkap.



Aktiviti dimulakan sebaik sahaja murid- murid berkumpul di Dataran Minda.

Murid- murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan disertai oleh tiga orang guru. Kumpulan- kumpulan tersebut dibahagikan kepada beberapa kawasan sekitar sekolah untuk dibersihkan.

Harapan guru besar agar aktiviti seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang demi menjaga kebersihan sekolah dan menjadikan persekitaran sekolah lebih kondusif untuk belajar.

Gotong- royong anjuran Kelab 3K sekolah ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada murid- murid tentang kepentingan menjaga kebersihan kawasan sekolah untuk mencegah pembiakan nyamuk aedes yang menjadi penyebab demam denggi

Laporan disediakan oleh,

_____ APRIL 2020

Laporan Gotong- royong Sekolah Kebangsaan Manjoi Satu

Antara aktiviti- aktiviti pembersihan yang dilakukan ialah mencuci longkang, membuang air yang bertakung serta mencuci lapik- lapik pasu bunga, dan mencuci kolam ikan.

Pada jam 10.30 pagi, murid- murid dan guru- guru selesai bergotong- royong. Sebelum pulang, murid- murid dan guru- guru menikmati jamuan ringan yang disediakan di kantin sekolah.

Pada 27 April yang lalu, Sekolah Kebangsaan Lintang telah mengadakan aktiviti gotong- royong membersihkan kawasan sekolah. Aktiviti gotong- royong bermula jam 8.00 pagi dan berakhir sekitar jam 10.30 pagi.

(Nur Ainul Mardhiah binti Muhammad Firdaus)

Setiausaha Kelab 3K

Sekolah Kebangsaan Manjoi Satu